



**RINGKASAN  
LAPORAN  
INKUIRI NASIONAL  
MENGENAI HAK  
TANAH ORANG  
ASAL / ASLI**

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**



**RINGKASAN  
LAPORAN  
INKUIRI NASIONAL  
MENGENAI HAK  
TANAH ORANG  
ASAL / ASLI**

Cetakan Pertama, 2013

© Hak Cipta Terpelihara Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2013

Diterbitkan di Malaysia oleh

**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

E-mel: [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my)

URL: <http://www.suhakam.org.my>

NO ISBN : 978-983-2523-76-5

Rekabentuk dan Dicetak di Malaysia oleh

**GEMPITA MAJU SDN BHD**

No. 7-1, Jalan 3/1, Taman Seri Merdeka  
68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan

Hak cipta ini milik SUHAKAM. Laporan ini boleh disalin dengan kebenaran daripada SUHAKAM. SUHAKAM menyangkal sebarang tanggungjawab, warranfi dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan atau mana-mana bahagian penerbitan ini.

Gambar Ihsan Daripada Dr Colin Nicholas, Center for Orang Asli Concerns (COAC)

# KANDUNGAN

---

<b>BAHAGIAN A</b>	<b>4</b>
Latar Belakang	4
Orang Asal di Malaysia	4
Tanah Menurut Pendapat Orang Asal	5
Proses Inkuiri Nasional	6
Hasil Dapatan Inkuiri Nasional	8
<b>BAHAGIAN B</b>	<b>10</b>
Syor-Syor SUHAKAM	10



## Bahagian



### LATAR BELAKANG

- Sejak ditubuhkan pada tahun 1999, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) banyak menerima aduan berkenaan dengan pencerobahan hak tanah adat masyarakat Orang Asli/Asli. Kebanyakan aduan yang diterima tidak dapat diselesaikan sehingga kini oleh mana-mana pihak berwajib. Maka, SUHAKAM membuat keputusan untuk menjalankan satu Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asli di Malaysia bagi mencari jalan penyelesaian berkaitan masalah tanah adat ini.

### ORANG ASAL DI MALAYSIA

- Orang Asli mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan tanah, wilayah dan sumber mereka. Tanah dan sumber tersebut adalah penting bukan sahaja sebagai sumber pendapatan, tetapi juga sebahagian daripada kehidupan kerohanian dan kebudayaan mereka serta membentuk identiti mereka sebagai masyarakat. Orang Asli juga mempunyai cara mereka sendiri dalam menguruskan tanah, wilayah dan sumber mereka. Untuk itu, pengiktirafan ke atas hak mereka adalah penting bagi mereka meneruskan hidup.

- Di dalam menjalankan Inkuiri Nasional ini, Suruhanjaya bersetuju untuk menggunakan perkataan Orang Asli bagi mewakili masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Anak Negeri di Sabah dan Sarawak.
- Berdasarkan data, Negeri Sarawak merekodkan seramai 28 kumpulan masyarakat Anak Negeri yang mana merupakan 71.2 peratus penduduk di Sarawak. Dilufi dengan Negeri Sabah iaitu seramai 39 kumpulan masyarakat Anak Negeri atau 61.22 peratus daripada jumlah penduduk di Sabah. Di Semenanjung Malaysia, terdapat 13 kumpulan masyarakat Orang Asli yang berjumlah seramai 178,197 yang merupakan 0.79 peratus daripada jumlah penduduk di Semenanjung Malaysia (anggaran tahun 2010).

### TANAH MENURUT PENDAPAT ORANG ASAL

- Orang Asli dikenali berdasarkan sifat-sifat tertentu menerusi adat atau wilayah tradisi mereka. Sepertimana di Semenanjung Malaysia, terdapat perkataan yang digunakan untuk menggambarkan wilayah adat mereka iaitu 'Kawasan Rayau', 'Nenggirik' dan 'Tanah Pesaka'.
- Di Sabah, Anak Negeri memanggil wilayah adat mereka sebagai 'Kampung' yang merangkumi kawasan tempat tinggal, tapak perkuburan, padang ragut, tempat upacara kerohanian dan hutan yang termasuk di dalam kawasan penempatan mereka.
- Manakala di Sarawak, wilayah adat dikenali sebagai 'Pemakai Menoa', 'Tanah Umai' dan 'Temuda'. Selain itu, 'Tembawai' merupakan tapak rumah panjang yang telah ditinggalkan tetapi masih mempunyai berbagai pokok buah-buahan yang ditanam oleh penduduk setempat. Kawasan tapak perkuburan pula dikenali sebagai 'Pendam' dan digunakan untuk upacara keagamaan oleh masyarakat setempat.

## PROSES INKUIRI NASIONAL

- Inkuiri Nasional SUHAKAM dijalankan bermula pada bulan Disember 2010 sehingga Jun 2012. Terdapat empat peringkat dalam Inkuiri Nasional iaitu sesi pengenalan, konsultasi awam, pendengaran awam dan penyediaan laporan. Inkuiri Nasional ini turut melibatkan agensi kerajaan, sektor swasta, NGO dan masyarakat Orang Asal. SUHAKAM juga turut mendapatkan keterangan secara bertulis daripada agensi kerajaan dan beberapa NGO yang berkaitan.



- SUHAKAM telah membuat sesi penerangan atau konsultasi awam yang telah melibatkan seramai 6,500 masyarakat Orang Asal. Sebanyak 892 kes telah direkodkan sepertimana terdapat dalam Jadual 1.

**JADUAL 1: BILANGAN KENYATAAN YANG DIREKODKAN SEMASA INKUIRI MENGIKUT KATEGORI**

NO	KATEGORI/ ISU	SABAH	SARAWAK	SEMENANJUNG MALAYSIA							JUMLAH
				SELANGOR	PERAK	PAHANG	JOHOR	KELANTAN	NEGERI SEMBILAN	MELAKA	
1.	Pentadbiran	221	101	11	31	31	24	15	2	1	437
2.	Perladangan	51	10	4	8	13	8	17	-	-	111
3.	Pembalakan & Hutan Simpan	50	11	8	8	5	3	8	-	-	93
4.	Kemasukan Ke Dalam Kawasan Larangan Kerajaan atau Negeri	22	6	1	3	2	1	-	-	-	35
5.	Skim Pembangunan Tanah Komuniti	17	-	-	1	3	1	-	-	-	22
6.	Projek Pembangunan Komersial	16	8	18	7	12	10	1	-	-	72
7.	Pampasan	6	36	4	3	3	1	2	-	-	55
8.	Lain-Lain	24	26	4	9	2	-	2	-	-	67
<b>JUMLAH</b>		<b>407</b>	<b>198</b>	<b>50</b>	<b>70</b>	<b>71</b>	<b>48</b>	<b>45</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>892</b>

- Selain itu, Pihak Inkuiri telah melantik pengkaji bagi membuat kajian mengenai hak tanah Orang Asli di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. SUHAKAM juga telah mendapatkan keterangan secara lisan dan bertulis daripada saksi awam, agensi kerajaan dan sektor swasta yang terlibat menerusi pendengaran awam yang dijalankan.
- Laporan Inkuiri Nasional ini mengandungi hasil dapatan serta syar-syar dengan mengambilkira semua maklumat yang diperolehi menerusi pendengaran awam, kajian penyelidikan, konsultasi awam dan penghujahan awam.

### HASIL DAPATAN INKUIRI NASIONAL

- Hasil dapatan inkuiri Nasional telah dibuat berdasarkan tiga rantau iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berdasarkan pendengaran awam yang dijalankan, sebanyak 132 kes telah dipilih serta seramai 448 saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan berkaitan masalah yang dibangkitkan.
- Hasil dapatan telah dibahagikan sepertiimana jadual di sebelah.

SEMANJUNG MALAYSIA	SABAH	SARAWAK
i. Isu Pentadbiran Awam	i. Pentadbiran;	i. Pentadbiran
ii. Pewartaan Tanah Orang Asli	ii. Perladangan, Skim Pembangunan Tanah Komuniti,	ii. Perladangan
iii. Kewajipan Fidusari JAKOA	iii. Pembalakan dan Rizab Hutan,	iii. Skim Pembangunan Tanah Komuniti
iv. Keabsahan Pandangan Orang Asli	iv. Tanah Adat Di Dalam Kawasan Perindungan Persekutuan atau Negeri;	iv. Pembalakan dan Penanaman Semula Hutan
v. Koordinasi Antara Agensi Dan Persepsi	v. Projek-projek Pembangunan Komersial; dan	v. Kemasukan Tanah Anak Negeri (NCR) dalam Kawasan Perindungan
vi. Penolakan/Kegagalan Dasar Dan/Atau Undang-Undang Sedia Ada	vi. Pampasan Dari Pengambilan Tanah	vi. Projek Pembangunan Komersial
vii. Dasar Pembermilikan Tanah Orang Asli [DPTOA]		vii. Pampasan Daripada Pengambilan Tanah
viii. Perladangan		
ix. Skim Pembangunan Perladangan Orang Asli		
x. Rizab Hutan dan Pembalakan		
xi. Tanah Orang Asli di dalam Kawasan Perindungan		
xii. Projek-Projek Komersial		
xiii. Pampasan		



## Bahagian



## SYOR-SYOR SUHAKAM

## Kesimpulan Umum

- Orang Asli merupakan masyarakat yang terpinggir di Malaysia. Walaupun hak ke atas tanah adat terdapat di dalam Perlembagaan Malaysia dan undang-undang antarabangsa, tetapi mereka tidak diberikan hak sepenuhnya ke atas tanah adat sepertimana peruntukan undang-undang tersebut.
- Sekiranya berlaku perubahan bagi undang-undang tanah adat, pendapat Orang Asli berkaitan dengan hak milik dan pengurusan tanah adat tidak diambil kira. Selain itu, dasar-dasar kerajaan yang memberi keutamaan kepada projek-projek besar menyebabkan sumber mata pencarian Orang Asli terjejas.
- Ketidakadilan yang berlaku telah membuat masyarakat Orang Asli rasa kecewa dan marah. Inkuiri mendapati bahawa mereka tidak menerima sebarang maklum balas kepada aduan yang dibuat berkenaan masalah tanah dan menyebabkan tanah adat mereka terus diceraibah oleh pihak-pihak yang terlibat.

- Berdasarkan bukti dan hasil dapatan Inkuiri Nasional, Suruhanjaya telah menyediakan sebanyak 18 syor di bawah enam tema utama dengan beberapa findakan untuk dilaksanakan.

TEMA  
1PENGAKTIRAFAN HAK ADAT  
ORANG ASAL TERHADAP TANAH

- Pengiktirafan hak tanah adat Orang Asli adalah penting dalam melindungi dan mempertahankan hak tanah adat mereka. Pengiktirafan ke atas tanah adat Orang Asli haruslah dibuat selari dengan pandangan dan kemahuan Orang Asli, keputusan-keputusan mahkamah dan undang-undang antarabangsa.

## Syor 1 : Jaminan Pegangan Tanah

- Bagi memastikan hak milik tanah adat kekal di tangan masyarakat Orang Asli, pihak yang bertanggungjawab harus menyalut kedudukan tanah sebelum meluluskan permohonan rizab atau pengeluaran lesen kepada mana-mana pemaju.
- Kaedah permohonan tanah haruslah ditulis dan ditampal di tempat-tempat yang mudah dilihat oleh masyarakat Orang Asli. Pihak yang berkaitan juga harus mendapatkan persetujuan daripada semua Orang Asli yang terlibat berhubung dengan sesuatu masalah tanah.
- Melakukan perubahan kepada undang-undang dan dasar untuk mempertahankan hak milik tanah adat dengan mengambil kira keputusan mahkamah yang mengiktiraf hak tanah adat Orang Asli.

### Syor 2: Penjelasan Konsep Pegangan Adat

- Membuat kajian yang bersesuaian untuk menjelaskan maksud seperti kawasan rayau dan wilayah tradisi (*pemakai menoa, wilayah adat*).
- Banyak aduan menyatakan bahawa kelulusan saiz tanah yang diberikan seringkali tidak sama dengan saiz sebenar yang dimohon. Maka, Suruhanjaya mencadangkan agar pihak-pihak berwajib mengkaji berhubung dengan saiz tanah yang sesuai bagi memastikan Orang Asli dapat hidup selesa dengan mengamalkan budaya tradisi mereka.
- Mengkaji semula perkara berkaitan tanah adat yang terdapat di dalam Ordinan Tanah Sabah (seksyen 15) dan Kanun Tanah Sarawak (seksyen 10) untuk mempertahankan hak tanah Anak Negeri. Kanun Tanah Negara juga harus dipinda dengan memasukkan peruntukan yang jelas bagi mengiktiraf penggunaan tanah adat Orang Asli.
- Meneliti contoh-contoh dari negara lain seperti Tribunal Waitangi di New Zealand mengenal jaminan pemilikan tanah Orang Asli yang mana Orang Asli turut dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

### Syor 3 : Pengembalian bagi Hak Tanah Adat yang Tidak Diiktiraf

- Peruntukan undang-undang bagi pemulangan (*restitution*) tanah perlu disediakan. Pihak yang terlibat harus memberikan tanah ganti atau pampasan yang setimpal sekiranya tanah adat Orang Asli digunakan atau diambil untuk sebarang tujuan pembangunan.

## TEMA 2

### REMEDY BAGI TANAH YANG HILANG

- Kebanyakan aduan yang diterima menunjukkan ramai Orang Asli kehilangan tanah disebabkan oleh penipuan. Justeru, satu cara untuk mendapatkan keadilan ke atas tanah yang hilang harus dibuat bagi mempertahankan hak mereka.

### Syor 4: Mekanisme Keadilan (*Redress Mechanisms*)

- Menubuhkan Tribunal atau Suruhanjaya Tanah Orang Asli. Tribunal atau Suruhanjaya tersebut dianggotai oleh hakim-hakim yang telah bersara dan pakar-pakar dalam hak adat Orang Asli. Tribunal atau Suruhanjaya ini harus berkuasa untuk membuat keputusan bagi kes yang dibawa termasuklah mendapatkan jalan penyelesaian yang sesuai bagi masalah-masalah berhubung dengan tanah adat mereka.
- Menubuhkan ombudsman bagi membantu menyelesaikan pertelingkahan tanah.
- Kebanyakan masyarakat Orang Asli tidak mampu untuk mendapatkan khidmat peguam bagi membawa kes tanah mereka ke mahkamah, maka pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan peguam dan bentuk sokongan yang lain bagi membantu mereka mendapatkan keadilan di mahkamah.



### Syor 5: Menangani Dasar dan Perancangan Terdahulu

- Mengkaji semula dasar rancangan membasmi kemiskinan untuk memastikan tanah yang diambil tidak melanggar hak tanah adat Orang Asli serta kaedah untuk menilai tanah dibuat secara bebas dan mengikut jadual bagi projek tersebut.
- Mengkaji semula rancangan pembangunan tanah Orang Asli dan pembangunan komersial lain yang memberi kesan kepada tanah Orang Asli. Ini merangkumi syarat-syarat pemilikan tanah dan cara bagaimana Perjanjian Persefahaman diterangkan kepada Orang Asli sebelum menandatangani sebarang perjanjian yang ingin dibuat.
- Semua pihak harus mematuhi prinsip Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT) untuk mendapatkan persetujuan daripada setiap masyarakat Orang Asli bagi sebarang projek pembangunan yang dilakukan.

### Syor 6: Kajian Semula Pampasan

- Mengkaji semula peruntukan-peruntukan dan undang-undang mengenai pampasan dalam pengambilan tanah, termasuklah kadar pampasan bagi tanah dan tanaman. Kajian semula perlu melihat sumber mata pencarian dan keperluan lain masyarakat Orang Asli bermula dari selepas tanah mereka diambil sehinggalah masalah tanah mereka selesai. Seharusnya, mereka perlu diberi tanah ganti yang sama nilai dengan tanah yang diambil, dan keperluan asas mereka perlu dijamin.

## TEMA 3

### MENANGANI ISU-ISU/KETIDAKSEIMBANGAN PEMBANGUNAN TANAH

- Pembangunan pesat di Malaysia telah memberikan kesan buruk kepada Orang Asli. Hasil dapatan inkuiri menunjukkan bahawa Orang Asli bukan menolak pembangunan tetapi mereka mahu supaya kepentingan dan perkara-perkara asas berkaitan mereka harus dipelihara dan mereka juga perlu dilibatkan di dalam rancangan pembangunan.

### Syor 7: Menerima Pakai PBHAM bagi Pembangunan dan Undang-Undang IMABT

- Kerajaan seharusnya menggunakan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM) di dalam pembangunan bagi menjamin projek tersebut memberi faedah kepada rakyat dan negara. Bagi sebarang projek yang mengambil tanah Orang Asli, Kerajaan harus memastikan prinsip IMABT digunakan untuk memastikan persetujuan dan pendapat Orang Asli diambil kira.

### Syor 8: Memastikan Pembangunan Tanah Tidak Memberi Kesan Buruk Kepada Orang Asli

- Bagi memastikan pembangunan tanah tidak memberi kesan buruk kepada Orang Asli, Kerajaan perlu menyediakan garis panduan yang lebih ketat untuk rancangan-rancangan membasmi kemiskinan dan membuat kaedah penilaian bagi memastikan setiap matlamat akan tercapai dan tidak melanggar hak mereka.

- Satu kaedah kajian semula tentang pengiraan serta pemberian dividen, hak milik dan tempoh untuk pindah milik tanah kepada peserta-peserta patut diadakan bagi rancangan pembangunan tanah Orang Asal.

#### Syor 9: Menggalakkan Model Pembangunan yang Berjaya

- Suruhanjaya mencadangkan supaya pihak-pihak terlibat memberikan latihan kepada masyarakat Orang Asal supaya mereka boleh bekerja sendiri di dalam mana-mana rancangan perladangan yang dilaksanakan di kawasan tanah adat mereka.
- Selain itu, pihak kerajaan juga haruslah meningkatkan tahap pengurusan di dalam pentadbiran dan pegangan tanah. Ini juga untuk memastikan pihak yang bertanggungjawab menjalankan tugas dengan baik.

#### Syor 10: Dasar yang Berbentuk "Mesra-Penduduk, Pembangunan Lestari"

- Rancangan pembangunan yang ingin dilaksanakan haruslah selari dengan dasar ekonomi, sosial dan alam sekitar. Misalnya, menggunakan cara menguruskan hutan dan kelapa sawit yang dapat memberikan kebaikan kepada semua pihak terutamanya masyarakat Orang Asal. Pengurusan hutan yang lestari bermaksud pembangunan yang dijalankan turut mementingkan alam sekitar agar ianya kekal dan tidak rosak akibat pembangunan.
- Suruhanjaya juga mencadangkan untuk tubuhkan satu pasukan petugas khas yang terdiri daripada wakil-wakil Orang Asal, pertubuhan hak asasi manusia serta NGO untuk memastikan rancangan pembangunan lestari dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## TEMA 4

### MENCEGAH KEHILANGAN TANAH ADAT ORANG ASAL DI MASA HADAPAN

- Bagi mencegah kehilangan tanah adat Orang Asal pada masa hadapan, punca-punca yang menjadi sebab kehilangan tanah patut diatasi dengan kadar segera. Satu tindakan penting yang disarankan oleh Inkuiri ialah mematuhi prinsip Izin berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT).

#### Syor 11: Langkah-langkah Penyelesaian bagi Tanah Adat Orang Asal

- Membuat perbincangan secara tetap dan berterusan di antara masyarakat Orang Asal, Kerajaan dan ahli-ahli Parlimen, serta pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan persefahaman dan pandangan berhubung dengan sesuatu masalah yang berlaku. Aktiviti perbincangan ini juga dapat digunakan oleh Kerajaan dan ahli parlimen untuk memberikan maklum balas berkenaan dengan masalah tanah Orang Asal sebelum membuat sebarang cadangan ke atas pindaan dasar dan undang-undang berkaitan tanah adat Orang Asal.

#### Syor 12: Pengiktirafan Tanah Orang Asal di Kawasan yang Dilindungi

- Inkuiri mendapati tanah adat yang dituntut oleh Orang Asal turut termasuk dalam kawasan yang dilindungi. Contohnya taman negara, kawasan perlindungan hidupan liar, kawasan tadahan air dan sebagainya.
- Pihak Kerajaan sepatutnya mengiktiraf hak milik tanah berdasarkan sejarah sebelum mewariskan tanah tersebut sebagai kawasan yang dilindungi, dan menghargai masyarakat Orang Asal kerana menjaga tanah tersebut.

Mereka juga perlu dibenarkan untuk memasuki dan meneruskan aktiviti-aktiviti yang tidak akan menjejaskan atau merosakkan tanah tersebut.

**Syor 13: Menggalakkan Penglibatan Secara Aktif Orang Asal dalam Pengurusan Hutan**

- Tidak ramai masyarakat Orang Asal yang terlibat dalam menguruskan hutan. Maka, satu dasar baru perlu dibuat untuk meningkatkan penglibatan masyarakat Orang Asal dalam pengurusan hutan.

**TEMA 5**

**MENANGANI ISU-ISU PENTADBIRAN TANAH**

- Pentadbiran tanah pada masa kini perlu diperbaiki untuk memastikan kaedah pemilikan tanah Orang Asal dapat dibuat dengan berkesan.

**Syor 14: Mengadakan Kajian Komprehensif ke atas JAKOA**

- Inkuiri mendapati banyak aduan berkaitan dengan kelemahan di dalam peranan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi melindungi hak tanah Orang Asli. Maka, Suruhanjaya mencadangkan supaya satu kajian semula ke atas JAKOA dibuat dalam tempoh masa terdekat.

**Syor 15: Meningkatkan Keupayaan Jabatan-jabatan Tanah**

- Latihan-latihan yang sesuai perlu dibuat bagi jabatan kerajaan yang terlibat untuk meningkatkan kualiti pengurusan tanah.

- Selain itu, pihak berwajib perlu memastikan bahawa syarikat-syarikat dan agensi Kerajaan melaksanakan penentuan sempadan di kawasan projek pembangunan dan mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam lesen.
- Satu sumber kewangan perlu disediakan untuk membolehkan Orang Asal mendapatkan khidmat peguam di dalam setiap rundingan yang dijalankan dan memastikan IMABT dibuat menerusi kaedah yang betul.

**Syor 16: Mengkaji semula Maklum Balas Terhadap Isu-Isu Tanah**

- Berdasarkan hasil dapatan Inkuiri, Orang Asal sentiasa menerima maklum balas buruk berkaitan pengurusan tanah. Maka, pihak berwajib harus mengambil tindakan segera ke atas perkara tersebut.

**Syor 17: Pelaksanaan Segera Langkah-Langkah Penambahbaikan**

- Kaedah memohon tanah selalunya melibatkan banyak jabatan. Sekiranya berlaku masalah di dalam tuntutan tanah, pihak-pihak yang terlibat tidak mahu bertanggungjawab sehingga menjadikan keadaan bertambah buruk. Maka, Suruhanjaya mencadangkan supaya kerjasama antara jabatan harus ditingkatkan untuk mengatasi masalah tersebut.
- Dari sudut pengurusan aduan, pejabat tanah dan jabatan berkaitan perlu meningkatkan kaedah pengurusan mereka. Contohnya, mengadakan meja aduan di setiap daerah, mempunyai buku rekod untuk setiap aduan lisan serta membuat satu peraturan berkaitan dengan maklum balas yang perlu diberikan oleh jabatan ke atas setiap aduan.



**TEMA  
6****MENGIKTIRAF TANAH SEBAGAI NADI  
KEPADA IDENTITI ORANG ASAL**

- Tanah merupakan nyawa kepada masyarakat Orang Asal dan mereka mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan alam semulajadi. Pengiktirafan ke atas tanah adat dapat menjamin mereka meneruskan cara hidup tradisi serta memastikan budaya dan adat resam mereka terus dijaga.

**Syor 18: Menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Yang Bebas Mengenai Orang Asal**

- Inkuiri mencadangkan ditubuhkan satu Suruhanjaya Kebangsaan berkaitan Orang Asal yang bersifat bebas. Peranan Suruhanjaya ini adalah untuk menasihati Kerajaan mengenai undang-undang dan dasar-dasar berkaitan dengan Orang Asal, memantau pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan mesra penduduk dan alam sekitar di atas tanah adat serta membuat penyelidikan berkaitan dengan Orang Asal. Anggota-anggota Suruhanjaya ini harus terdiri daripada wakil masyarakat Orang Asal yang mendapat sokongan dan diterima oleh masyarakat Orang Asal di Malaysia.



**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

**Tingkat 11, Menara TH Perdana,  
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2612 5600 Faks: 03-2612 5620**

**E-mel: [humanrights@suhakam.org.my](mailto:humanrights@suhakam.org.my) | Aduan: [complaints@suhakam.org.my](mailto:complaints@suhakam.org.my)**

**URL: <http://www.suhakam.org.my>**



[www.facebook.com/suhakam](http://www.facebook.com/suhakam)



[www.twitter.com/suhakam](http://www.twitter.com/suhakam)